

14 JAN 2001

Mahathir-Tahlil

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS TAHLIL MEMPERINGATI TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis tahlil bagi memperingati ulang tahun Ke-25 kematian Perdana Menteri Malaysia yang kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bacaan doa dan tahlil diketuai oleh bekas Mufti Sabah Datuk Mohamad Hamad manakala imam Masjid Jamek Kampung Baru, Abdul Ahad Abu Bakar dan Abdullah Awang masing-masing mengimamkan solat Maghrib dan Isyak.

Majlis itu yang diadakan di Memorial Tun Razak di sini turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdulah Badawi, beberapa Menteri Kabinet, kelima-lima anak serta balu Allahyarham Tun Rahah Noah.

Dilahirkan pada 11 Mac 1922, di Pulau Keladi, Pekan Pahang, Allahyarham yang digelar Bapa Pembangunan Malaysia, mengambilalih jawatan Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra pada 22 Sept 1970.

Beliau menjawat jawatan itu sehingga ke akhir hayatnya pada 14 Jan 1976.

Allahyarham telah membuat banyak jasa kepada negara termasuk mewujudkan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971 dengan tujuan menyusun semula masyarakat terutama daripada segi pengagihan ekonomi serta menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.

Allahyarham juga telah menubuhkan Barisan Nasional dalam tahun 1974 dalam usaha merapatkan hubungan parti-parti politik di negara ini dan menjadi Pengerusinya yang pertama.

Daripada segi antarabangsa, Allahyarham banyak menyumbang kepada keamanan di rantau Asean dengan mempromosikan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) serta mewujudkan dasar yang lebih relistik terhadap China.

-- BERNAMA

AKT AKT FAZ